NEGARA-KERETA '''''

1983

KUALA LUMPUR, 31 MAC (BERNAMA) -- KERETA BUATAN MALAYSIA YANG AKAN DIKELUARKAN DI NEGARA INI TIDAK LAMA LAGI AKAN MEMPUNYAI MUTU YANG TINGGI SETANDING DENGAN MUTU KERETA-KERETA JEPUN YANG POPULAR, DEWAN NEGARA DIBERITAHU HARI INI.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MEMBUAT JAMINAN ITU BERKATA, KERAJAAN AKAN MEMBERIKAN SEGALA BANTUAN DAN GALAKAN YANG DIPERLUKAN BAGI MEMPASTIKAN MAKSUD ITU TERCAPAI.

KATANYA, PROJEK KERETA BUATAN MALAYSIA INI ADALAH SATU PROJEK YANG MENGUNTUNGKAN DAN KERAJAAN YAKIN PROJEK INI AKAN BERJAYA.

MENJAWAB SOALAN SENATOR DATUK YAP PENG BELIAU BERKATA KEYAKINAN KERAJAAN ITU JUGA BERDASARKAN KEPADA BEBERAPA FAKTOR DAN INI TERMASUKLAH:

. KEUPAYAAN KILANG YANG AKAN DIBINA UNTUK PROJEK INI MEMBUAT PENGELUARAN KERETA DENGAN BANYAK,

. RAKAN-RAKAN USAHASAMA DALAM PROJEK INI TERDIRI DARIPADA SYARIKAT-SYARIKAT YANG TERKENAL DI PERINGKAT ANTRARABANGSA SERTA MEMPUNYAI KEPAKARAN TINGGI DALAM BIDANG PERUSAHAAN KERETA: DAN

-- LAGI 1600/AZ

ZCZC B589
NEGARA-KERETA 2 KUALA LUMPUR

. PASARAN DALAM NEGARA INI DAPAT MENAMPUNG JUMLAH PENGELUARAN YANG DIRANCANGKAN.

MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN SENATOR DATUK HAJI MOHAMAD DIN JAAFAR, PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH DIJANGKAKAN DIANTARA 2,000 HINGGA 2,500 ORANG PEKERJA ADALAH DIPERLUKAN DALAM BERBAGAI-BAGAI PERINGKAT PROJEK KERETA VBUATAN MALAYSIA ITU.

MENGENAI PENGGUNAAN ROBOT DI KILANG ITU, BELIAU BERKATA PERKARA ITU BELUM DIPUTUSKAN LAGI. -- BERNAMA 1602/AZ.